

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Tahukah** anda terdapat paus dan ikan lumba-lumba di perairan Malaysia? Hakikatnya, sembilan daripada 10 rakyat di negara ini tidak tahu mengenyainya.

Ramai juga yang sering keliru antara mamalia marin dan ikan disebabkan rupa haiwan itu yang hampir sama.

Paus, ikan lumba-lumba dan lumba tikus kelihatan seperti ikan, namun ia sebenarnya ialah mamalia marin dan memerlukan cara perlindungan yang berbeza daripada ikan.

Menyedari tahap kesedaran masyarakat yang masih rendah ilmu mengenai mamalia marin di perairan Malaysia dan kepentingan pemuliharaan haiwan itu, mendorong

pakar mamalia marin, Dr Louisa Ponnampalam dan pakar biologi marin, Fairul Izmal Jamal Hisne mengasaskan Pertubuhan Penyelidikan MareCet (MareCet) pada 2012, sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang menjalankan aktiviti penyelidikan dan pemuliharaan mamalia marin di Malaysia.

Nama MareCet berasal daripada gabungan perkataan 'Mare' yang bermaksud lautan dalam bahasa Latin, manakala 'Cet' adalah singkatan kepada 'Cetacean', iaitu perkataan saintifik untuk kumpulan yang merangkumi paus, lumba-lumba dan lumba tikus.

#### **Penyelidikan mamalia marin di Malaysia**

Louisa yang juga Pengarah Eksekutif MareCet, berkata sehingga pertengahan 2000, usaha penye-

lidikan dan data saintifik mengenai mamalia marin di Malaysia terhad dan tidak banyak yang diketahui mengenai haiwan berkenaan.

Disebabkan itu katanya, MareCet yang kini mempunyai sembilan penyelidik pemuliharaan tempatan, dengan tiga daripadanya ialah pemegang doktor falsafah (PhD) ditubuhkan, bertujuan meningkatkan pengetahuan saintifik mengenai mamalia marin melalui penyelidikan, kesedaran awam berkenaan haiwan itu di Malaysia, penguatkuasaan dasar untuk perlindungan habitat mamalia marin dan pembangunan kapasiti tempatan serta bakat kepimpinan dalam bidang pemuliharaan marin.

#### **Pemeliharaan spesies terancam**

Louisa berkata, MareCet mempunyai empat projek kajian jangka panjang yang sedang dilaksanakan pada masa ini, iaitu Langkawi Dolphin Research (LDR), Matang Dolphin Research (MDR), The Whale Project dan Dugong Seagrass and Conservation, selain memberi tumpuan kepada pendidikan dan peningkatan kesedaran awam

berkenaan pemuliharaan marin.

"Melalui penyelidikan saintifik, kami berharap dapat meningkatkan pengetahuan mengenai mamalia marin yang terdapat di Malaysia dan habitat mereka untuk menyumbang maklumat serta nasihat bagi aktiviti pengurusan dan pemuliharaan spesies marin terancam di peringkat tempatan dan antarabangsa.

"Pada masa sama, kami mahu menyebarkan kesedaran mengenai haiwan ini, yang menjadi indikator penting untuk mengukur tahap kesihatan lautan.

"Disebabkan itu, pertubuhan kami terus berusaha untuk menyediakan peluang sukarelawan dalam inisiatif penyelidikan dan pendidikan kami, supaya orang ramai dapat meluaskan pemahaman mereka mengenai tugas kami dan kepentingan melindungi mamalia marin.

"Lagipun, kita hanya boleh melindungi dan memulihara apa yang kita kenali dan hargai. Bak kata pepatah, tak kenal, maka tak cinta," katanya kepada *BH*.

Ikan lumba-lumba dan paus antara ditemui di perairan Malaysia dan perlu dipelihara untuk elak diancam kepupusan. (Foto ihsan MareCet)

# 27 haiwan mamalia marin di perairan Malaysia

Ikan lumba-lumba dan paus 'bebas bermain' perlu dilindungi dan pulihara, elak diancam kepupusan



Lihat muka 32

# Kekalkan ekosistem laut, elak haiwan marin terancam

BH 17/12/23 M/S 31,32

Ikan paus memerlukan cara perlindungan yang berbeza daripada ikan biasa.



Dari muka 31

## Buat penyelidikan populasi spesies mamalia marin

Louisa menjelaskan, tempoh kajian yang dijalankan MareCet berbeza bagi setiap projek, merangkumi dua minggu hingga sebulan.

Bagi projek penyelidikan ikan lumba-lumba dan paus, pihaknya menjalankan tinjauan bot beberapa kali sepanjang tahun, dengan sekurang-kurangnya dua kali setahun.

Katanya, bot penyelidikan dibawa keluar ke perairan pesisir pantai atau perairan lautan luar di tapak kajian yang ditetapkan dan ketika tinjauan, pengumpulan dua jenis data diberi keutamaan, iaitu identifikasi foto dan data bioakustik (kajian berkenaan bunyi/komunikasi haiwan).

"Melalui identifikasi foto, kami menangkap gambar sirip belakang lumba-lumba atau paus, dan sirip itu mempunyai corak istimewa yang membantu kami membezakan

setiap lumba-lumba antara satu sama lain.

"Data ini membantu kami mengenal setiap haiwan itu dari semasa ke semasa dan memahami corak pergerakan mereka supaya kami dapat memahami bagaimana sesuatu habitat itu penting kepada populasi yang dikaji dan hasil kajian.

"Seterusnya boleh digunakan untuk membuat keputusan penting mengenai pengurusan habitat dan pemuliharaan.

"Selain itu, kami mengumpulkan data bioakustik untuk lebih memahami tingkah laku akustik haiwan, membabitkan rakaman bunyi mereka dan juga bunyi lain yang didengari di dalam lautan," katanya.

"Data akustik ini dapat memberi kami maklumat mengenai komunikasi haiwan dan tindak balas mereka terhadap aktiviti manusia.

"Kami juga menjalankan pemantauan akustik pasif, dengan menggunakan perakam bunyi bawah air untuk tempoh yang panjang, dalam tempoh beberapa hari," katanya.

## 27 spesies mamalia marin dijumpai

Louisa berkata, melalui penyelidikan dan pelaporan pihak ketiga, MareCet mengetahui terdapat sekurang-kurangnya terdapat 27 spesies mamalia marin boleh dijumpai di perairan Malaysia.

Pada masa sama, penyelidikan oleh pertubuhan itu juga mendedahkan beberapa tempat kajian sebagai habitat penting bagi spesies mamalia marin.

Antaranya, perairan paya bakau Matang berfungsi sebagai tempat pemakanan, pembiakan, penyusuan dan bersosial bagi lumba balar dan lumba empesut.

Manakala perairan cetek di sekitar Langkawi dan Kedah serta Perlis dikenal pasti sebagai tapak pengumpulan, pemakanan dan penyusuan yang penting bagi lumba balar, lumba empesut dan lumba tikus.

## 200 ekor haiwan marin dikenal pasti

Melalui tinjauan bot di Langkawi juga katanya, MareCet turut merekodkan saiz kumpulan lumba-lumba balar yang terbesar untuk spesies itu, merangkumi keseluruhan kawasan habitatnya, dengan saiz kumpulan melebihi 200 ekor, serta katalog identifikasi foto yang paling besar untuk lumba balar.

"Walaupun mamalia marin disenaraikan sebagai haiwan terancam di bawah Akta Perikanan 1985 dan memainkan peranan penting dalam pengekalan ekosistem laut, ma-

langnya haiwan ini berdepan pelbagai ancaman di perairan Malaysia.

Berdasarkan pemerhatian, ancaman utama yang dihadapi adalah daripada aktiviti manusia, seperti risiko pelanggaran dan hentakan kipas bot, risiko terperangkap dan terbelit di dalam pukat perikanan, pencemaran bunyi buatan manusia dan pencemaran sampah di dalam air.

"Penyelidikan kami menekankan keperluan mendesak untuk menangani ancaman ini supaya kita dapat melindungi dan memastikan kelangsungan hidup mamalia marin di Malaysia untuk generasi yang akan datang," katanya.

## Penyelidikan secara berterusan

Louisa memaklumkan, hasil penyelidikan pertubuhan itu akan diterjemahkan kepada bahan yang mudah difahami dan berfungsi sebagai sumber ilmu yang berharga untuk program pendidikan, yang menyasarkan pelajar sekolah dan orang awam.

"Hasil penyelidikan kami juga diterbitkan dalam jurnal antarabangsa dan tempatan. Setakat ini, kami menerbitkan lebih 15 penerbitan, laporan dan pelan pengurusan, selain berkongsi hasil penyelidikan kami dengan saintis dan komuniti penyelidikan mamalia marin dari negara lain.

"Kami berharap untuk meneruskan usaha penyelidikan ini bagi mengisi lagi jurang pengetahuan dan pemantauan jangka panjang bagi mencapai matlamat pemuliharaan negara," katanya.



Penyelidikan kami menekankan keperluan mendesak untuk menangani ancaman ini supaya kita dapat melindungi dan memastikan kelangsungan hidup mamalia marin di Malaysia untuk generasi yang akan datang"

Dr Louisa Ponnampalam


MareCet juga menjalankan program perkongsian ilmu bersama pelajar sekolah dan orang awam. (Foto ihsan Marecet)



## info

Lokasi dijumpai ikan lumba-lumba dan paus:

- Selat Melaka
- Perairan Langkawi
- Perairan Pulau Pinang
- Perairan Terengganu dan Pahang
- Hutan Simpan Bakau Kuala Sepetang, Perak
- Perairan Sabah dan Sarawak.



MareCet menjalankan aktiviti penyelidikan dan pemuliharaan mamalia marin di Malaysia.

